

Perbuatan buli oleh orang sangat berkuasa: PM

BH- 4/11/2019 m/s: 2

Dr Mahathir bimbang kesan perang dagangan AS, China jejas pertumbuhan ekonomi global

gara yang ada kepentingan dengannya.

“Malaysia kini turut disekat hanya kerana mempunyai rakan dagang dengan negara lain yang sudah menerima sekatan seperti Iran. Undang-undang mana yang membolehkan mereka berbuat demikian?”

“Mereka sering bercakap mengenai perdagangan dan hubungan berlandaskan peraturan tetapi mereka yang berhujah mengenai perkara ini atau yang menciptanya adalah orang yang sama tidak berpegang kepada prinsip mereka sendiri,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-35 dan sidang berkaitan di Pusat Konvensyen dan Pameran IMPACT, di sini, semalam.

Rabu lalu, Dr Mahathir berkata Malaysia menghadapi tekanan yang sangat kuat daripada pihak tertentu supaya menutup akaun bank individu dan syarikat Iran di negara ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) 2019, di Putrajaya, Perdana Menteri berkata bank milik Malaysia di luar negara akan ditutup sekiranya gagal berbuat demikian.

“Ini perbuatan buli oleh orang yang sangat berkuasa,” katanya.

Awal bulan ini, Jabatan Negara Amerika Syarikat mengemukakan sekatan terhadap sektor pembinaan Iran serta perdagangan empat bahan yang digunakan dalam program ketenteraan dan nuklearnya.

Pada sidang media semalam, Perdana Menteri berkata Malaysia serta negara ASEAN lain menyuarakan kebimbangan mengenai kesan perang perdagangan Amerika Syarikat dan China yang akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global.

Beliau berkata, konflik itu sememangnya mengganggu keamanan dunia kerana semua negara mahukan kebebasan melakukan perdagangan dengan negara lain.

“Ia dinyatakan dalam pertemuan pemimpin ASEAN dengan Perdana Menteri China, Li Keqiang dalam Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-22, hari ini (semalam).

“Apa yang merisaukan kami (ASEAN) ialah konflik ini dijangka tidak akan selesai dalam masa terdekat. Jika Presiden Donald Trump terpilih lagi sebagai Presiden maka akan terus berlarutan lima tahun lagi.

“Namun, saya berpendapat ia bukan pandangan semua pemimpin AS...kita harap perkara ini boleh segera diatasi,” katanya.

Bangkok

Abdul Razak Raaf

raaffar@mediaprima.com.my



Malaysia turut menerima kesan daripada tindakan negara tertentu mengenakan sekatan perdagangan terhadap Iran, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata, ini kerana Iran adalah antara rakan dagang terbesar Malaysia.

“Apabila anda mengadakan sekatan ia menyalaui undang-undang. Tiada peruntukan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bahawa negara yang tidak berpuas hati dengan negara lain menggunakan kaedah sekatan terhadap negara berkenaan serta ne-